

NOVEMBER 2021



CASSIO

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT

Sajian FGV
Untuk

KELUARGA MALAYSIA





CORETAN GCEO GCEO'S JOTTINGS

Berikut adalah petikan ucapan Encik Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV di pembukaan *Future Proofed Palm Oil Summit 2021*.

- FGV diasaskan atas prinsip pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan.
- Memandangkan kesan buruk pemanasan global berkemungkinan memberi kesan kepada masyarakat berpendapatan rendah terlebih dahulu, adalah menjadi kewajipan FGV sebagai peneraju perniagaan dan industri yang bertanggungjawab untuk berada di barisan hadapan memerangi perubahan iklim.
- Kami berbangga menjadi syarikat makanan dan pertanian pertama di Malaysia yang memformalkan komitmen dengan menandatangani inisiatif Sasaran Berasaskan Sains yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk ikrar 1.5 darjah Celsius, yang memerlukan pengurangan pemanasan global kepada 1.5 darjah Celsius.
- Sasaran berasaskan sains menyediakan rangka kerja

pengurusan karbon yang ditetapkan untuk mengurangkan pelepasan selaras dengan sains iklim terkini untuk mengehadkan kenaikan suhu global pada 1.5 darjah Celsius.

- Komitmen terhadap sasaran berasaskan sains memerlukan FGV mengurangkan separuh pelepasan gas rumah hijau menjelang 2030 dan mencapai pelepasan sifar bersih selewat-lewatnya 2050.
- Dalam memastikan keteguhan minyak sawit kami pada masa

hadapan, dan sebagai tindak balas kepada keperluan yang semakin mendesak untuk tindakan iklim, kami berharap syarikat lain akan bersama-sama mengambil tindakan segera dan komited terhadap sasaran pengurangan pelepasan berasaskan sains dalam usaha untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5 darjah Celsius.

Untuk ucapan penuh sila tonton di <https://youtu.be/cVFamP0CaFc>



FGV Catat PBT Lebih Tinggi Sebanyak RM1.02 Bilion Untuk 9B TK2021

FGV mencatatkan lonjakan ketara keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.02 bilion untuk tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2021 (9B TK2021), berbanding RM27 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Pendapatan Kumpulan meningkat 33 peratus tahun ke tahun kepada RM13.39 bilion, manakala keuntungan operasi juga meningkat hampir tiga kali ganda kepada RM1.16 bilion tahun ke tahun pada 9B TK2021.

Peningkatan prestasi operasi Kumpulan bagi 9B TK2021 adalah didorong oleh margin produk sawit yang lebih tinggi berikutan harga minyak sawit mentah (MSM) yang lebih tinggi, margin keuntungan kasar yang lebih tinggi untuk Sektor Gula, serta jumlah pemprosesan dan caj pengendalian yang lebih tinggi untuk Sektor Logistik.

Secara keseluruhan, bagi tempoh tiga bulan berakhir 30 September 2021 (S3 TK2021), FGV mencatatkan keuntungan operasi suku tahunan tertinggi sejak penyenaian syarikat sebanyak RM636 juta berbanding RM322 juta pada suku yang sama sebelumnya.



Kemaskini FGV Mengenai Perintah Pelepasan Tahan (WRO) oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat



Lembaga Pengarah FGV Holdings Berhad (FGV) merujuk kepada Perintah Pelepasan Tahan (WRO) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat pada 30 September 2020 terhadap minyak sawit dan produk minyak sawit yang dihasilkan oleh FGV dan anak syarikatnya, serta syarikat usaha sama. Pengumuman ini berfungsi sebagai kemas kini mengenai perkara tersebut susulan kenyataan FGV bertarikh 20 Oktober 2021.

FGV sukacita untuk mengumumkan bahawa setelah mengkaji semula cadangan daripada beberapa organisasi, FGV telah melantik Elevate sebagai firma audit bebas untuk melakukan penilaian operasi FGV terhadap 11 Petunjuk *International Labour Organization* (ILO) berkaitan buruh paksa. Penilaian tersebut adalah sebahagian daripada usaha FGV untuk mempetisyen pembatalan WRO oleh CBP.

Elevate ialah sebuah pembekal perkhidmatan kelestarian dan rantaian bekalan bebas yang berpengalaman luas dalam memacu kepatuhan sosial dan menangani risiko buruh paksa dengan menerapkan pendekatan berpanduan pekerja.

Kumpulan FGV Sumbang RM 5 Juta Untuk Waqaf FELDA

Kumpulan FGV, menerusi anak-anak syarikatnya termasuk FGV Plantation (Malaysia) Sdn Bhd, FGV Palm Industries Sdn Bhd, FGV Agri Services Sdn Bhd, FGV Kernel Products Sdn Bhd, FGV Transport Services Sdn Bhd dan FGV Trading Sdn Bhd telah menyumbangkan sebanyak RM5 juta kepada Waqaf FELDA.

Sumbangan tersebut secara langsung telah menjadikan FGV sebagai ahli kategori Zamrud. MSM Malaysia Holdings Berhad juga tidak ketinggalan menyumbangkan RM 1 juta kepada organisasi tersebut.



Pengerusi Kumpulan FGV, Dato' Dzulkifli Abdul Wahab telah menerima sijil keahlian daripada Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob ketika majlis

pelancaran pada 12 November di Menara FELDA.

Waqaf FELDA menggunakan konsep wakaf korporat Sebanyak 30 peratus keuntungan yang diperoleh Waqaf FELDA akan diperuntukkan kepada kebajikan, lima peratus akan disalurkan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) manakala selebihnya akan dilabur semula.

FGV Agih Zakat Perniagaan Kepada MUIP & MAIDAM



Kumpulan FGV mengagihkan zakat perniagaan berjumlah lebih RM5 juta kepada Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) serta Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Kumpulan FGV diwakili oleh Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV menyerahkan replika cek berjumlah RM552,334 kepada Dato' Haji Osman Muda, Yang DiPertua MAIDAM di Terengganu manakala replika cek berjumlah RM4,551,148 telah diserahkan kepada Dato' Ahmad Hairi Hussain,



Ketua Pegawai Eksekutif MUIP di Pahang. Kedua-dua majlis telah diadakan pada 23 November.

Penyerahan turut disaksikan oleh Pengarah Bahagian Sektor Logistik & Perniagaan Sokongan (LSB) Kumpulan, Encik Azman Ahmad.

Hidup tidak tenang?
Gelisah dan tidak tenteram?
Masalah melanda bertimpa-timpa?
Maka berinfaqlah!
Nescaya hidup semakin aman...

Mereka yang menginfakkan harta mereka, di waktu malam dan siang, secara sembunyi mahupun terang-terangan, maka bagi mereka pahala di sisi tuhan mereka. Dan tiadalah keresahan akan melanda ke atas mereka dan tiadalah pula mereka berduka cita.

Al-Baqarah : 274

waqaf
FELDA
(1411511-T)
"BUDAYAKAN WAKAF, SEBARKAN KEBERKATAN"

Untuk berwakaf, sila layari:
www.waqaffelda.com.my



Atau kunjungi kami di Tingkat 46, Menara Felda

■ MSM Prai menang Pertandingan *Household E-Waste Collection Hero* Peringkat Negeri Pulau Pinang



Sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2021, MSM Malaysia Holdings Berhad (Kumpulan MSM) melalui anak syarikat milik penuhnya, MSM Prai Berhad (MSM Prai) merupakan antara tiga pemenang

terbaik dalam Pertandingan *Household E-Waste Collection Hero* anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

MSM Prai berjaya menggondol tempat ketiga dalam kategori Industri dengan kira-kira 500kg sisa elektrik dan elektronik (e-waste) berjaya dikutip dalam tempoh lima hari dari 7 November hingga 12 November 2021 oleh lebih 400 petugas MSM Prai melalui promosi strategik program kesedaran alam sekitar.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata penyertaan dalam program itu adalah sebahagian daripada program kelestarian MSM sebagai peningkatan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Ia mencerminkan sokongan MSM terhadap kenyataan negara semasa Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu - COP26 baru-baru ini.

■ MSM *Foldies Club*



MSM Gula Prai telah menubuhkan MSM *Foldies Club* secara rasmi dan telah berjaya menganjurkan Putrajaya Ride buat julung kalinya pada 7 November dengan jumlah penyertaan awal yang memberangsangkan daripada petugas Ibu Pejabat MSM. MSM Foldies Club dianggotai oleh

petugas yang menggemari sukan berbasikal termasuk basikal lipat yang menjadi trend masa kini.

Objektif penubuhan kelab ini adalah untuk petugas Kumpulan MSM yang menggemari aktiviti basikal lipat untuk memupuk persahabatan yang lebih kukuh,



serta mempromosikan gaya hidup sihat. Ia juga menggalakkan konsep keseimbangan kehidupan bekerja yang penting pada masa kini.

Akan ada lebih banyak aktiviti berbasikal yang menarik menanti penyertaan seluruh 'Keluarga MSM'. Nantikan!

Malam Kimia IKM 2020 & 2021



Malam Kimia 2020 & 2021 anjuran Institut Kimia Malaysia telah diadakan pada 3 Disember di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Acara tahunan Malam Kimia ini diadakan untuk memberi anugerah kepada individu atau organisasi yang menyumbang ke arah perkembangan kimia di Malaysia. Majlis ini juga telah dihadiri oleh tetamu kehormat, YB Dato' Sri Dr. Adham Bin Baba, Menteri Sains, Teknologi & Inovasi.

Setinggi tahniah diucapkan kepada FGV Analytical Laboratory, FGV Agri Services Sdn Bhd yang terletak di Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR), Pahang atas penganugerahan IKM President Laboratory Award 2020-2022. Penganugerahan ini adalah satu pencapaian yang membuktikan

bahawa kualiti khidmat analisa makmal sentiasa berada pada tahap tertinggi, seiring dengan visi FGV Agri Services Sdn Bhd untuk menjadikan makmalnya sebagai makmal bertaraf dunia.

IKM President Laboratory Award adalah satu kategori penganugerahan yang baru diperkenalkan oleh Institut Kimia Malaysia pada tahun 2014. Anugerah berprestij ini diberikan setiap tiga tahun sekali kepada hanya satu makmal yang mencapai pencapaian yang terbaik bagi setiap sektor dalam pembangunan profesionalisme dan praktis dalam bidang kimia.

Selain dari itu, makmal FGV Analytical Laboratory, FGV Agri Services Sdn Bhd, Lahad Datu pula telah mendapat anugerah IKM Laboratory Excellence

Diamond Award 2021. Anugerah ini adalah buat pertama kali dianugerahkan kepada makmal di Malaysia kerana telah menyertai Audit IKM Excellence Award selama 25 tahun berturut-turut.

Sebagai makmal yang diakreditasi di bawah ISO17025:2017, anugerah-anugerah ini dapat memberi kepercayaan dan keyakinan yang lebih tinggi kepada pelanggan dalam menggunakan khidmat analisa yang disediakan oleh Jabatan Khidmat Makmal antaranya adalah analisa air, efluen, minyak sawit, tanah, daun, kompos, baja dan pengesyoran baja.

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KEDUA KELAB SUKAN KUMPULAN FGV MALAYSIA (KSFGV)



Tarikh : 24 Disember 2021 (Jumaat)
Tempat : Bilik Rekreasi, Tingkat 7, Wisma FGV
Masa : 9.30 pagi

**Sila isi borang kehadiran untuk menghadiri mesyuarat.
 (E-mel ke ksfgv@fgvholdings.com)
 Ruang terhad kepada 50 orang ahli sahaja.**

Sesi Dialog Kerjasama Di Antara Kumpulan Tadbir Urus & Pengurusan Risiko, FGV Holdings Berhad Bersama Jabatan Integriti FELDA

Sebuah sesi dialog di antara Kumpulan Tadbir Urus & Pengurusan Risiko, FGV dengan Jabatan Integriti, FELDA telah diadakan pada 1 November bertempat di Menara Felda.

Sesi dialog ini bertujuan untuk bertukar-tukar pendapat, membuat perancangan dan penyelarasan berkenaan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) yang dilaksanakan di dalam kumpulan FGV serta Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) yang sedang dirangka oleh pihak FELDA. Sesi tersebut juga telah dihadiri oleh wakil dari Felda Plantation Management (FPM) dan Felda



Sesi penyerahan tiga unit buku berkaitan integriti oleh Pengarah Jabatan Integriti FELDA (Encik Mohamad Fauzi Husin - kanan) kepada Ketua Kumpulan Tadbir Urus & Pengurusan Risiko, FGV (Encik Wan Norman Nasir - kiri)

Investment Corporation (FIC). Delegasi FGV diketuai oleh Encik Wan Norman Nasir, Ketua Tadbir Urus Kumpulan dan Pengurusan

Risiko manakala delegasi FELDA diketuai oleh Encik Mohamad Fauzi Husin, Pengarah Jabatan Integriti FELDA.

Taklimat Saluran Aduan (*Whistleblowing*) Kepada Tenaga Kerja Asing di Ladang FGVP Wilayh Sahabat



Program taklimat ini bertujuan untuk menerangkan empat bentuk saluran aduan yang boleh digunakan oleh semua pekerja Wilayah Sahabat bagi melaporkan kes-kes salah laku yang melibatkan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.


Selain itu, sejumlah 130 buah poster berkenaan saluran aduan telah ditampal di papan kenyataan yang berada di kawasan penempatan pekerja asing (rumah lestari), perumahan dalam ladang, tapak *roll call* dan pejabat ladang dengan kerjasama daripada pihak pengurusan ladang di seluruh negara.

Kumpulan Tadbir Urus & Pengurusan Risiko, FGV dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd (FGVPM) telah melaksanakan program taklimat kesedaran berkenaan saluran aduan (*whistleblowing*) di Ladang FGVP Wilayh Sahabat, Sabah bermula dari 24 Oktober sehingga 29 Oktober 2021.

Taklimat kesedaran berkenaan saluran aduan diberikan semasa *roll call* pekerja untuk sesi pagi dan bersama dengan program *Merchantrade* untuk sesi sebelah petang. Taklimat ini melibatkan 31 buah ladang di empat buah Wilayah Sahabat. Seramai 4,941 pekerja ladang yang juga merupakan tenaga kerja asing telah menghadiri program taklimat ini.

Aduan boleh dibuat dengan menggunakan:

Talian Bebas Tol: 1800-88-8717
Surat: Whistleblowing Secretariat, Tingkat 13W, Wisma FGV
E-mel: alerts@fgvholdings.com
E-Borang: <http://www.fgvholdings.com/whistleblowing/>



OLEH IR. DR. GIDEON TAN

IN THE KNOW PROGRAM PERKONGSIAN ILMU OLEH PENGURUSAN KANAN FGV



In The Know adalah program perkongsian ilmu oleh Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan FGV yang bertujuan untuk memberi peluang kepada petugas-petugas Kumpulan FGV menimba ilmu serta mengenali secara lebih dekat pihak Pengurusan Kanan. Diadakan secara santai selama satu jam, petugas dipilih secara rawak untuk menyertai program ini secara maya melalui MS Teams. Setakat ini program *In The Know* ini telah pun dihoskan oleh Encik Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Encik Vincent Chui Tee Suan, Ketua Pegawai Produk Pengguna, Encik Abdul Razak Aya, Ketua Pertanian Bersepadu, Encik Salman Ghazali, Ketua Pegawai Strategi Kumpulan, Puan Zaliy Mohd Zaman Khan, Ketua Audit Dalaman, Puan Nor Marhamah Yahya, Penasihat Undang-Undang, Dato' Najmuddin Abdullah, Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan dan Encik Wan Norman Nasir, Ketua Tadbir Urus Kumpulan dan Pengurusan Risiko.

WIRA FGV

"Semangat kekeluargaan dan kemesraan terserlah dalam jiwa petugas FGV" - Raflee

" Hari pertama melangkah kaki ke FGV, saya sudah terasa seperti menjadi sebahagian daripada organisasi yang besar ini," ujar Raflee Mohammad Rafee yang kini bertugas di FGV Shared Service Centre (FGV SSC), Wira FGV untuk edisi kali ini.

Mengimbu kenangan lebih 10 tahun lalu, beliau berkata ketika itu perasaan untuk menyertai FGV amat kuat dan berasa amat teruja apabila ditawarkan jawatan sebagai pelatih pengurusan di Bahagian Sumber Manusia Felda Holdings Berhad (FHB) pada 2011. Menurut beliau, meskipun bergelar pelatih pengurusan, namun sikap mesra yang ditunjukkan oleh petugas di bahagian tersebut ketika itu membuatkan beliau terasa tidak kekok untuk menjalankan tugas harian yang baharu.

Beliau memulakan kerjaya di bahagian pemprosesan data pengambilan petugas baharu sebelum dipindahkan ke Jabatan Shared Service Centre (SSC) pada 2012. "Ketika itu, saya diberikan peranan sebagai *'team leader'* untuk mengetuai dan menyelia tugas petugas bukan eksekutif dalam memproses transaksi anak-anak syarikat seperti tuntutan bayaran perubatan, perjalanan, penginapan dan sebagainya," kata beliau.

"Ketika itu banyak proses berkaitan sumber manusia dan kewangan dijalankan oleh anak syarikat masing-masing menyebabkan tiadanya keseragaman malah ada dokumen yang diperlukan tidak lengkap. Namun apabila proses tersebut dipindahkan ke SSC, ia dapat diseragamkan kembali dan ianya memudahkan proses analisa dan kompilasi data kerana telah dimasukkan ke dalam sistem SAP (*System Analysis and Programme*). Sementara itu, kos operasi di peringkat anak syarikat dapat dikurangkan dan perhatian dapat ditumpukan terhadap aktiviti perniagaan utama mereka," jelas beliau.

Menurut Raflee, FGV SSC sentiasa menambahbaik proses dengan meningkatkan tahap automasi dalam



urusan operasi harian daripada manual kepada sistem seperti proses e-borang dan tuntutan.

Menyentuh lanjut mengenai perjalanan kerjaya di FGV, Raflee berkata bekerja di syarikat yang mempunyai reputasi yang tersendiri dan disegani di peringkat tempatan mahupun antarabangsa ini merupakan satu pengalaman yang sangat berharga.

"Saya berasa amat bertuah kerana berpeluang berkhidmat di FGV. Bagi saya, FGV amat unik terutamanya budaya serta nilai-nilai murni yang

dipegang oleh petugas-petugas itu sendiri. Di FGV, saya dapat rasakan semangat kekeluargaan dan kemesraan terserlah dalam jiwa kalangan petugas FGV dan ini membuatkan saya sangat seronok bekerja di sini," kata bekas siswazah jurusan Pengurusan Pejabat dari Universiti Teknologi MARA, Shah Alam ini.

Sebagai salah seorang petugas lama di Kumpulan, beliau berharap FGV mampu melangkah lebih jauh lagi di masa hadapan dalam misinya menjadi sebuah syarikat peneraju dan perniagaan tani yang mampan di masa hadapan.

"Keputusan kewangan yang menakjubkan seperti yang diumumkan baru-baru ini jelas menunjukkan kesungguhan seluruh warga FGV berusaha keras dalam sebuah keluarga besar untuk membina kembali FGV. Ini benar-benar memberi kesan dan semangat luar biasa terhadap diri saya. Semoga semangat yang ditunjukkan ini terus subur demi masa hadapan yang lebih cemerlang," kata Raflee.



Penggunaan Tandatangan E-mel (Opsyen dengan Jawatan)

Tandatangan e-mel (*e-mail signature*) adalah kad perniagaan maya yang tertera secara automatik di bahagian bawah e-mel anda. Tandatangan ini memaparkan nama, jawatan dan maklumat perhubungan yang berkaitan. Jangan sertakan teks berwarna, *font* yang terlalu besar atau rumit, logo jabatan, gambar, grafik atau mutiara kata.

Penggunaan tandatangan e-mel yang ditetapkan dapat memastikan bahawa semua komunikasi e-mel yang dihantar dari FGV adalah konsisten.

Sila dapatkan contoh tandatangan di laman FGV Hub.




Syarikat-syarikat yang menggunakan logo FGV




Syarikat-syarikat yang menggunakan logo sendiri


Langkah-Langkah Penggunaan



Buka **New Email**



Pilih **Signatures**



Salin dan tampalkan tandatangan e-mel yang dilampirkan, edit mengikut kesesuaian dan klik OK.

Manual Identiti Korporat ini boleh didapati di FGV Hub dan fgvholdings.com. Untuk sebarang pencerahan lanjut, sila hubungi Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan.

Terima kasih atas sokongan berterusan anda dalam usaha memperkukuhkan penjenamaan FGV.

“

Apabila anda dihormati sebagai individu, mereka mengagumi anda. Apabila mereka menghormati anda sebagai rakan, mereka menyayangi anda. Apabila mereka menghormati anda sebagai pemimpin, mereka mengikuti anda. Marilah kita semua saling menghormati, menyayangi dan berkongsi kebahagiaan.

”

Romzi Ishak
Ketua Pegawai Eksekutif
FGV Agri Services Sdn Bhd



SUSU
SEGAR
DARI
LINGGI



RESEPI PILIHAN

Roti Cip Coklat Yogurt Bright Cow

Ramai yang tidak tahu, yogurt boleh digunakan untuk membuat roti. Resipi roti yogurt ini sangat mudah dan tidak mengambil banyak masa untuk menyiapkannya. Roti yogurt ini juga mempunyai kalori yang lebih rendah berbanding roti-roti yang lain. Penuhi citarasa anda dengan makanan yang lebih sihat. Jom cuba resipi dari Bright Cow.

Bahan-Bahan:

- 2 cawan tepung kek
- 1 1/2 sudu teh serbuk penaik
- 1/4 sudu teh *baking soda*
- 1 cubit garam
- 1/2 cawan cip coklat
- 1/4 cawan kacang tanah (jika mahu)
- 1/2 cawan minyak sayuran
- 1 cawan gula
- 3/4 cawan Yogurt Greek Asli Bright Cow
- 1 sudu teh susu pekat
- 2 biji telur
- 1 kuning telur

Kaedah:

1. Panaskan ketuhar hingga 340° (170° celsius) dan griskan loyang 8 1/2 inci.
2. Gaulkan tepung, serbuk penaik, *baking soda*, garam, coklat cip dan kacang di dalam satu mangkuk. Ketepikan.
3. Di dalam mangkuk yang lain, campur dan gaulkan Yogurt Greek Asli Bright Cow, minyak, gula, susu pekat, telur dan kuning telur dengan sebatii.
4. Kemudian, campurkan kedua-dua adunan yang telah siap ke dalam loyang yang telah digris dan bakar selama lebih kurang 30-35 minit.
5. Periksa kek menggunakan lidi, biarkan sejuk selama 5 minit dan kek sedia untuk dihidang.



KINI BOLEH DIDAPATI DI

AEON

CHECKERS

Giant

MaxValu
Prime

Village
Grocer

Cold Storage

MERCATO

B.I.G.

LuLu
Glenn's

selections



MS 1500
1 093-08/2020

TANYA DOKTOR POKOK



S: Bagaimanakah cara untuk membuat penyemaian benih?

- **Azlina Hashim, FGVIF**

J: Semaikan biji benih yang halus di dalam tray kecil dengan media seperti peatmoss atau cocopeat di bawah naungan dengan siraman air dua hingga tiga hari sekali sahaja jika diperlukan. Anak benih yang bercambah boleh dipindahkan ke dalam pasu atau bekas penanaman yang lebih besar selepas mencapai kira-kira 5cm.

S: Bagaimanakah cara untuk kita menanam tanaman menjalar?

- **Noorwaheda Abd Wahid, DOPSB**

J: Tanaman menjalar boleh disemai dengan biji benih atau dengan keratan batang. Gunakan campuran media penanaman yang tinggi bahan organik di antara 10 hingga 20% untuk menggalakkan pertumbuhan tanaman menjalar.



S: Mengapakah pokok bunga yang saya tanam hanya mengeluarkan bunga tapi bukan daun?

- **Nor Atikah Mohamad, FGVH**

J: Pokok bunga akan mengeluarkan banyak bunga dalam keadaan 'stress' seperti kekurangan air seperti pada bunga kertas dan lain-lain. Untuk menggalakkan pengeluaran daun yang banyak, pastikan siraman air yang mencukupi dan ditabur dengan baja butir atau semburan baja cecair yang mengandungi nitrogen yang tinggi yang selalunya disebut sebagai 'baja daun'.



Anda boleh hantarkan soalan-soalan berkaitan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600. Soalan anda akan dijawab dalam Cassia edisi hadapan.

APA KATA MEREKA?




Apakah produk makanan keluaran FGV yang digemari dan mengapa?



Saya menggemari beras Super Import SAJI kerana ia hanya mengandungi 5% beras hancur dan sesuai untuk memasak nasi lemak, nasi minyak dan sebagainya. Saya rasa produk ini adalah produk import berkualiti tinggi yang bakal menjadi kegemaran pengguna. Rasakan kelainan dan keenakan sebenar Beras Super Import Saji bersama keluarga kita!

- **Azizah Baharuddin, FGV Johore Bulklers**



Dalam rangkaian produk SAJI Mi, yang menjadi kegemaran saya adalah SAJI Mi Goreng Asli kerana bagi saya ia mudah dan menjimatkan masa untuk dimasak serta sangat enak. Kalau tengah-tengah bulan, amat sesuai untuk yang terpaksa mengawal bajet dan dengan SAJI Mi Goreng Asli saya boleh pelbagaikan masakan dengan lebih kreatif.

- **Fauzienani Md Said, FGV Prodata**



Minyak masak jenama SAJI menjadi pilihan saya kerana ianya keluaran bumiputra dan minyak masak terbaik Malaysia dalam penyediaan masakan. Saya juga menggunakan santan kotak SAJI selain menggunakan garam gunung SAJI dalam masakan harian saya. Saya penggemar teh tarik, apabila menggunakan krimer pekat SAJI, teh tarik saya menjadi lebih *umph*! Saya memang puas hati dengan produk keluaran FGV.

- **Mohd Zahrin Mohd Zainuddin, FGV PUP**



Saya memilih Minyak Masak SAJI kerana ia mudah didapati di kebanyakan kedai atau pasaraya. Sudah pasti Minyak Masak SAJI menjadi pilihan utama untuk penyediaan memasak makanan sihat untuk keluarga saya. Saya yakin dengan kualitinya, bersih dan halal. Selain itu, harganya juga berpatutan. Sangat bebaloi-baloi!

- **Nur Azalia Yacob, FGV Refineries**



Saya dan keluarga merupakan pelanggan setia produk SAJI FGV kerana produk yang berkualiti tinggi, patuh syariah, bersih dan halal. Antara produk yang menjadi pilihan saya adalah Minyak Masak SAJI yang sering digunakan untuk masakan, Krimer Pekat SAJI yang saya gunakan untuk minuman berasaskan susu dan saya sering menggunakan Marjerin Seri Pelangi untuk membuat roti canai 'homemade' Moga produk FGV akan terus berjaya dan menjadi pilihan utama rakyat Malaysia khususnya kakitangan FGV sendiri. InsyaAllah.

- **Mohd Zahir Mohd Zubir, FGV Holdings**

TRAVELOG

Trip Santai Taman Negara

Baru-baru ini telah berlangsung program yang dinamakan 'Trip Santai Taman Negara, Kuala Tahan'.

Program yang dianjurkan oleh Execlub PPPTTR ini telah disertai seramai 49 orang peserta, termasuk pasangan dan kanak-kanak.

Seawal 7.30 pagi, semua peserta sudah berkumpul di lobi bangunan pentadbiran untuk sarapan bersama-sama. Pengerusi Execlub PPPTTR, Encik Mohd Rizuan Zainal Abidin telah memberikan ucapan ringkas tentang perjalanan program, taklimat keselamatan dan juga bacaan doa sebelum berangkat ke Taman Negara pada jam 8.00 pagi dengan kenderaan masing-masing.

Beberapa aktiviti yang telah dirancang termasuk meredah hutan sejauh 1.5km melalui denai *canopy walk*. Pemandangan yang indah dinikmati dari bahagian atas denai *jungle's canopy*.

Aktiviti diteruskan menuju ke *checkpoint 1* sama ada dengan meredah hutan atau pun menaiki bot.

Perjalanan diteruskan ke Lubok Simpon untuk menikmati kesejukan air serta mandi manda bersama keluarga di Taman Negara. Setelah selesai, semua peserta sudah mula keletihan pada ketika ini. Tepat jam 2.00 petang, rombongan bergerak menuju semula ke *checkpoint 1*, menaiki bot untuk kembali ke Jeti Taman Negara. Rombongan bersurai ke kediaman masing-masing pada jam 3.00 petang.

Alhamdulillah, program santai pertama yang diadakan selepas PKP yang panjang ini diharap dapat mengeratkan lagi ukhwah antara petugas dan ahli keluarga peserta.

Semoga, aktiviti ini dapat juga menyuntik semangat baru pada warga PPPTTR untuk terus memberi perkhidmatan yang baik dan berterusan dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan di FGV Agri Services Sdn Bhd.

oleh:
Nurjehan Abdul Rahman
& Mohd Shazwan Naning,
FGVAS, PPPTTR



PAKEJ RAYHAN

★★★★★
RM6,990
Bilik Ber-4
7,490 Bilik Ber-3 7,990 Bilik Ber-2



HOTEL MEKAH
SAFWAH ROYAL ORCHID (50M)
NOZOL ROYAL INN (110M)

★★★★★

Fullboard

TEMPOR 10H 8M

HOTEL MADINAH
SAFWAH ROYAL ORCHID (50M)
NOZOL ROYAL INN (110M)

★★★★★

MAKAN

Fullboard

TEMPOR 10H 8M

JAN - 26
FEB - 16
MAR - 2

FAST SELLING

PAKEJ RAYHAN

★★★★★
RM7,690
Bilik Ber-4
8,190 Bilik Ber-3 8,690 Bilik Ber-2

HOTEL MEKAH
SAFWAH ROYAL ORCHID (50M)
NOZOL ROYAL INN (110M)

★★★★★

MAKAN

Fullboard

TEMPOR 12H 10M

HOTEL MADINAH
SAFWAH ROYAL ORCHID (50M)
NOZOL ROYAL INN (110M)

★★★★★

MAKAN

Fullboard

TEMPOR 12H 10M

JAN - 18, 26*
FEB - 1, 2*, 23
MAR - 5, 9, 19, 23

FAST SELLING

PAKEJ RAWDAH

★★★★★
RM7,990
Bilik Ber-4
8,490 Bilik Ber-3 8,990 Bilik Ber-2

HOTEL MEKAH
SAFWAH ROYAL ORCHID (50M)
NOZOL ROYAL INN (110M)

★★★★★

MAKAN

Fullboard

TEMPOR 12H 10M

HOTEL MADINAH
SAFWAH ROYAL ORCHID (50M)
NOZOL ROYAL INN (110M)

★★★★★

MAKAN

Fullboard

TEMPOR 12H 10M

FEB - 16, 26
MAR - 16

FAST SELLING

HOTEL

BERDEKATAN

HARGA

BERPATUTAN

INSURANS

COVID-19

MUTAWWIF

BERPENGALAMAN

LAMBAIAN
Umrah
FELDA TRAVEL SDN BHD


Musim 1443H | 2021-2022M

Sektor penerbangan (KUL-MED-JED-KUL) Tambahan RM300
** Tarikh penerbangan tertakluk pada pindaan semasa

f feldatravel @FeldatravelSB +6019 279 0022

www.feldatravel.com.my

Tahniah Pemenang #SAYADUTAPRODUKFGV



Para pemenang akan dihubungi oleh
Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN:

1. Video mestilah mempunyai elemen integriti dan anti-rasuah
2. Durasi video di antara 30 saat - 2 minut
3. Format video mestilah dalam MP4, WMV, AVI atau MKV
4. Saiz video tidak melebihi 100MB
5. Terbuka kepada semua warga FGV

PERTANDINGAN VIDEO PENDEK

Tema: Integriti / Anti-Rasuah

BERSEMPENA HARI ANTI-RASUAH ANTARABANGSA
#fgvintegrityday2021

HADIAH UTAMA
BAUCAR
RM1,000

Hantarkan penyertaan sebelum **31 Disember 2021**
E-mel / kongsi pautan video kepada ggrm.fgvh@fgvholdings.com

Group Governance & Risk Management

TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel
kepada CASSIA melalui groupstrategiccomms@fgvholdings.com

